

02/11/1999

Kehadiran PM ditentukan selepas selesai keterangan tertuduh

KUALA LUMPUR, Isnin - Mahkamah Tinggi akan menetapkan tarikh kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke mahkamah selepas Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja selesai memberi keterangan.

Timbalan Pendaftar, Rozilah Salleh, berkata pihak pembela dan pendakwa akan berbincang tarikh kehadiran Dr Mahathir ke mahkamah sebagai saksi Sukma Darmawan.

"Mahkamah mengesahkan sapina baru yang dikeluarkan Rabu lalu sudah diterima oleh Perdana Menteri pada 30 Oktober lalu," katanya ketika ditanya ketika mahkamah berhenti rehat di sini, hari ini.

Mahkamah mengeluarkan sapina menyatakan Dr Mahathir perlu hadir hari ini ke mahkamah sebagai saksi Sukma Darmawan.

Sementara itu, peguam bela Sukma Darmawan, Gobind Singh Deo berkata Dr Mahathir sudah menerima sapina itu tetapi tidak hadir hari ini kerana Anwar dan anak guam belum selesai memberi keterangan.

"Kami akan memaklumkan kepada Perdana Menteri, bila beliau diperlukan untuk hadir ke mahkamah. Kami yakin beliau akan hadir ke mahkamah dan menjangkakannya memberi keterangan akhir minggu ini atau minggu depan.

"Kami akan menemubualnya sebelum memutuskan untuk memanggilnya sebagai saksi Sukma Darmawan," katanya.

(END)